Pada pendapat kami, selain daripada perkara yang dinyatakan dalam Asas Laporan Bersyarat, penyata kewangan bersama-sama dengan notat-nota yang disediakan adalah menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Koperasi 1993 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangandan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Asas Laporan Bersyarat

- a. Pinjaman Institusi Kewangan – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Nota 28)

Terdapat perbezaan baki antara lejer dengan pengesahan yang diterima daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pihak koperasi dalam proses menyemak semula baki tersebut dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Oleh itu, kami tidak dapat mengesahkan baki akhir pinjaman tersebut.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami bebas daripada Koperasi selaras dengan *Undang-undang Kecil* (mengenai *Etika, Tingkahlaku dan Praktis Profesional*) Institut Akauntan Malaysia ("*Undang-undang Kecil*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional untuk Akauntan ("*Kod IESBA*") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan *Undang-undang Kecil* dan Kod **IESBA**.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi maklumat yang terkandung di dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan kami.



KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Juruaudit...samb

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (sambungan)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak memberikan sebarang bentuk pendapat jaminan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah membaca maklumat lain dan, dalam masa yang sama, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi semasa audit atau sebaliknya kelihatan disalahnyatakan secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang kami laksanakan, kami berpendapat bahawa terdapat salah nyataan material pada maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Tiada apa yang kami ingin laporkan berkenaan perkara ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi kepada Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberi pandangan sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian di Malaysia dan keperluan-keperluan Akta Koperasi, 1993. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab atas kawalan dalaman sebagaimana yang Anggota Lembaga Koperasi tentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, seperti mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi sama ada berniat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menamatkan operasi, atau tiada pilihan realistik melainkan melakukannya.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar mengenai penyata kewangan Koperasi secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan senantiasa mengenal pasti salah nyataan material apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar boleh mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebahagian dari audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:



Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

- a) mengenal pasti dan menilai risiko salah nyataan material penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyataan material disebabkan penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan bertujuan, salah nyataan atau pelanggaran kawalan dalaman.
- b) mendapat kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang berpatutan mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- c) menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang di buat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Koperasi atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan akan datang mungkin menyebabkan Koperasi berhenti meneruskan sebagai usaha berterusan.
- e) menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan mewakili urusan niaga sandaran dan peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara lain, rancangan skop dan masa audit dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kelemahan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan ke atas Kehendak-Kehendak Perundangan dan Berkanun Yang Lain

Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami;

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi;
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993, dan tanpa ada sebarang tujuan yang lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab ke atas pihak lain bagi kandungan laporan ini.

HUZAIM & CO.
Nombor Firma : AF 1342
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

HUZAINI BINTI HUSSIN
No. Kelulusan : SKM (B) 0193

Seremban, Negeri Sembilan.

Tarikh : 21 May 2024



LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993
SEKSYEN 59(1)(C)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga melaporkan bahawa:-

a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59 (4), selain daripada pembahagian dividen yang dibayar menggunakan Kumpulan Wang Penyamaan Dividen.

b) Koperasi bercadang membayar/memperuntukkan :

	RM
8% dividen pada tahun ini (2022 : 8%)	265,568.16
Honorarium Anggota Lembaga	4,200.00
5% Kump Wang Tabung Kebajikan Am (2022 : 10%)	14,330.24

c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

d) Dalam jangka masa yang diliputi oleh Penyata Pendapatan Komprehensif, tiada liabiliti kontinjen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.

e) Anggota Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah munasabah.



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Berkanun Anggota Lembaga
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

Kami bagi pihak Anggota Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).

**MEGAT GHAZALI
BIN ABDUL KARIM**

Pengerusi

**SYED OMAR HUZAIMI
BIN SYED GHAIBI**

Setiausaha

HASLINA BINTI ISMAIL
Bendahari

Ipoh,
Perak.

Tarikh: 21 MAI 2024



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2023	2022	2023	2022
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN					
Tanah	5	609,840.00	609,840.00	609,840.00	609,840.00
Bangunan		6,042,993.72	6,168,889.44	6,042,993.72	6,168,889.44
Perabut dan Kelengkapan		1,278.66	2,483.38	1,278.66	2,483.38
Peralatan Pejabat		17,995.87	21,871.00	17,995.87	21,871.00
Rumah Kedai		664,603.54	680,803.54	664,603.54	680,803.54
Aset Stesen Minyak Petronas (PSS)		37,138.41	44,619.31	37,138.41	44,619.31
		<u>7,373,850.20</u>	<u>7,528,506.67</u>	<u>7,373,850.20</u>	<u>7,528,506.67</u>
ASET BUKAN SEMASA					
Pelaburan Hartanah	6	263,951.91	271,839.44	263,951.91	271,839.44
Kos Pembangunan	7	1,426,189.34	1,319,013.90	1,426,189.34	1,319,013.90
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	8	15,942.55	18,156.10	11,898.00	14,112.00
Pelaburan dalam Syer Taksiar Harga	9	2,070.00	2,000.00	2,070.00	2,000.00
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	10,000.00	10,000.00
Pembiayaan Anggota	11	1,644,713.64	2,031,585.66	1,644,713.64	2,031,585.66
Akaun Deposit Koperasi	12	33,842.74	-	33,842.74	-
Aset Lain Bukan Semasa		8,436.44	8,087.60	-	-
		<u>3,395,146.62</u>	<u>3,650,682.70</u>	<u>3,392,665.63</u>	<u>3,648,551.00</u>
ASET SEMASA					
Terhutang oleh Syarikat Subsidiari	10	-	-	105,000.00	108,689.00
Pembiayaan Anggota	11	696,023.47	773,836.40	696,023.47	773,836.40
Stok (Minyak dan Kedai Mesra)	13	404,080.46	373,246.43	404,080.46	373,246.43
Penghutang Perdagangan	14	269,856.54	139,113.79	269,856.54	139,113.79
Pelbagai Penghutang dan Deposit	15	142,240.16	317,094.62	132,554.44	317,094.62
Cukai Boleh Dituntut Semula		76,774.50	-	76,774.50	-
Tunai di Bank dan di Tangan	16	555,686.56	700,392.64	437,148.96	570,417.28
Simpanan Tetap	17	399,822.26	143,864.88	251,026.77	-
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	18	51,650.00	152,851.22	51,650.00	152,851.22
		<u>2,596,133.95</u>	<u>2,600,399.98</u>	<u>2,424,115.14</u>	<u>2,435,248.74</u>
JUMLAH ASET		<u><u>13,365,130.77</u></u>	<u><u>13,779,589.35</u></u>	<u><u>13,190,630.97</u></u>	<u><u>13,612,306.41</u></u>



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2023	2022	2023	2022
DIBIYAI OLEH:					
Modal Syer Anggota	19	53,560.00	57,390.00	53,560.00	57,390.00
Modal Yuran Anggota	20	3,312,442.93	3,164,352.04	3,312,442.93	3,164,352.04
Modal Syer Ditebus	21	32,879.46	36,819.46	32,879.46	36,819.46
Kumpulan Wang					
Penebusan Syer	22	51,201.89	47,261.89	51,201.89	47,261.89
Kumpulan Wang Bencana					
dan Musibah	23	39,349.55	40,777.55	39,349.55	40,777.55
Kumpulan Wang					
Pendidikan	24	68,739.43	112,966.43	68,739.43	112,966.43
Kumpulan Wang Kebajikan					
Am	25	62,666.27	79,590.03	62,666.27	79,590.03
Kumpulan Wang Khairat					
Kematian	26	35,845.42	48,217.72	35,845.42	48,217.72
Keuntungan Terkumpul		94,324.52	79,669.88	77,131.05	73,168.42
KUMPULAN WANG					
ANGGOTA		3,751,009.47	3,667,045.00	3,733,816.00	3,660,543.54
Kumpulan Wang Rizab					
Statutori	27	849,673.00	815,830.26	849,673.00	815,830.26
		4,600,682.47	4,482,875.26	4,583,489.00	4,476,373.80
LIABILITI JANGKA					
PANJANG					
Pinjaman Institusi					
Kewangan	28	6,952,275.35	7,325,386.40	6,952,275.35	7,325,386.40
LIABILITI SEMASA					
Pinjaman Institusi					
Kewangan	28	704,588.70	1,122,370.89	704,588.70	1,122,370.89
Kumpulan Wang Amanah					
Pendidikan Koperasi	29	6,768.55	14,921.71	6,768.55	14,921.71
Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi	30	3,384.27	7,460.86	3,384.27	7,460.86
Akaun Deposit Koperasi					
(ADK)	31	33,842.74	-	33,842.74	-
Dividen	32	265,568.16	248,980.96	265,568.16	248,980.96
Honorarium	33	4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
Terhutang kepada Syarikat					
Subsidiari	10	0.40	-	82,504.44	92,746.99
Pelbagai Pemiutang dan					
Deposit	34	448,960.83	537,820.91	210,682.80	288,323.65
Peruntukan Cukai		9,359.27	35,572.36	7,826.93	31,541.15
Overdraft Bank	35	335,500.03	-	335,500.03	-
		1,812,172.95	1,971,327.69	1,654,866.62	1,810,546.21
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		13,365,130.77	13,779,589.35	13,190,630.97	13,612,306.41

AKAUN PEMBAGIAAN KEUNTUNGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Keuntungan bersih dalam tahun	351,483.38	452,963.66	338,427.37	438,129.51
Tolak: Pembahagian berkanun				
Kumpulan Wang				
Rizab Statutori - 10% (2022 : 12%)	33,842.74	52,575.54	33,842.74	52,575.54
Kumpulan Wang				
Amanah Pendidikan Koperasi - 2%	6,768.55	8,762.59	6,768.55	8,762.59
Kumpulan Wang				
Amanah Pembangunan Koperasi - 1%	3,384.27	4,381.30	3,384.27	4,381.30
	<u>43,995.56</u>	<u>65,719.43</u>	<u>43,995.56</u>	<u>65,719.43</u>
Keuntungan selepas peruntukan statutori	307,487.82	387,244.23	294,431.81	372,410.08
Tolak : Peruntukan cukai tahun semasa	9,934.93	35,248.15	7,826.93	31,541.15
Tolak: Pembahagian Lain				
Dividen dicadangkan - 8% (2022: 8%)	265,568.16	248,980.96	265,568.16	248,980.96
Honorarium Lembaga	4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
Kump. Wang Kebajikan Am	14,330.24	34,086.89	14,330.24	34,086.89
Kump. Wang Khairat Kematian	-	17,043.45	-	17,043.45
Kump. Wang Pendidikan	-	34,086.89	-	34,086.89
	<u>-</u>	<u>34,086.89</u>	<u>-</u>	<u>34,086.89</u>
Baki Keuntungan				
Yang Belum Dibahagi-bahagikan	13,454.49	13,597.89	2,506.48	2,470.74
Tambah : Pelarasan Bukan Operasi	36			
	<u>1,200.15</u>	<u>(450.00)</u>	<u>1,456.15</u>	<u>-</u>
	14,654.64	13,147.89	3,962.63	2,470.74
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun	<u>79,669.88</u>	<u>66,521.99</u>	<u>73,168.42</u>	<u>70,697.68</u>
Keuntungan Terkumpul Pada Akhir Tahun	<u>94,324.52</u>	<u>79,669.88</u>	<u>77,131.05</u>	<u>73,168.42</u>

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Hasil Kendalian	33,296,258.90	30,320,155.31	33,183,723.18	30,207,955.31
Pendapatan Am	123,227.62	118,133.78	105,274.19	105,155.51
Perbelanjaan	<u>(33,068,003.14)</u>	<u>(29,985,325.43)</u>	<u>(32,950,570.00)</u>	<u>(29,874,981.31)</u>
Keuntungan dibawa ke Penyata Pembahagian Keuntungan	<u>351,483.38</u>	<u>452,963.66</u>	<u>338,427.37</u>	<u>438,129.51</u>



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

AKAUN UNTUNG RUGI KOPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		KUMPULAN	
		2023	2022
PENDAPATAN	NOTA		
Pendapatan Aktiviti			
Kredit	37	115,562.50	393,129.00
Stesen Minyak			
Petronas Bandar Meru Raya	38(a)	20,494,634.88	22,667,237.49
Petronas Lebuh Meru Raya	38(b)	12,358,489.19	6,985,791.94
Perkhidmatan	39	136,625.39	124,771.25
Pelaburan	40	78,411.22	37,025.63
		<u>33,183,723.18</u>	<u>30,207,955.31</u>
Pendapatan Am	41	105,274.19	105,155.51
JUMLAH		<u><u>33,288,997.37</u></u>	<u><u>30,313,110.82</u></u>
PERBELANJAAN			
Kos Jualan/Kos Aktiviti			
Kredit	37	41,699.50	85,826.00
Stesen Minyak			
Petronas Bandar Meru Raya	38(a)	19,898,551.49	21,562,694.28
Petronas Lebuh Meru Raya	38(b)	11,897,717.64	7,156,666.03
Pelaburan	40	15,507.21	1,830.00
		<u>31,853,475.84</u>	<u>28,807,016.31</u>
Perbelanjaan Am:			
Fi Juruaudit Swasta		5,000.00	5,000.00
Perbelanjaan Lembaga		77,816.91	48,552.57
Kos Pembiayaan		421,505.70	308,035.88
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		154,656.47	159,736.11
Susutnilai Pelaburan Hartanah		7,887.53	1,212.88
Peruntukan Rosotnilai Syer Siarharga		2,214.00	-
Belanja Mesyuarat Agung		19,036.48	58,008.60
Gaji dan Bayaran Pengurusan		272,496.40	249,731.79
Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		38,911.00	28,543.00
Caruman PERKESO		4,659.80	3,741.50
Pelbagai Perbelanjaan	42	92,909.87	205,402.67
JUMLAH		<u><u>1,097,094.16</u></u>	<u><u>1,048,965.00</u></u>
KEUNTUNGAN BERSIH		<u><u>338,427.37</u></u>	<u><u>438,129.51</u></u>



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan bersih sebelum cukai	351,483.38	452,963.66	338,427.37	438,129.51
Pelarasan:				
Elaun perjalanan-stesen minyak terlebih lapor	(12,000.00)	-	(12,000.00)	-
Faedah imput	(483.05)	1,263.37	(134.19)	350.97
Pelaburan dalam syer siar harga	(0.45)	-	-	-
Peruntukan rosotnilai	2,214.00	-	2,214.00	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	154,656.47	153,061.46	154,656.47	153,061.46
Susutnilai pelaburan hartanah	7,887.53	7,887.53	7,887.53	7,887.53
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	503,757.90	615,176.02	491,051.18	599,429.47
Pengurangan/(Penambahan) dalam pembiayaan anggota	464,819.14	(245,882.00)	464,819.14	(245,882.00)
(Penambahan)/Pengurangan dalam kos pembangunan	(107,175.44)	1,670.00	(107,175.44)	1,670.00
(Penambahan)/Pengurangan dalam penghutang perdagangan	(130,742.75)	66,118.58	(130,742.75)	66,118.58
Penambahan dalam pelbagai penghutang dan deposit	(36,754.62)	(203,565.99)	(27,068.90)	(234,832.52)
Penambahan dalam stok (minyak dan kedai mesra)	(30,834.03)	(299,077.46)	(30,834.03)	(299,077.46)
Pengurangan dalam cukai boleh dituntut semula	8,725.50	-	8,725.50	-
(Pengurangan)/Penambahan dalam pelbagai pemiutang dan deposit	(70,559.28)	206,413.70	(59,340.05)	193,814.70
Penambahan dalam terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	3,689.00	9,078.11
(Pengurangan)/Penambahan dalam terhutang kepada syarikat subsidiari	0.40	-	(10,242.55)	90,690.51
<i>Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi</i>	601,236.82	140,852.85	602,881.10	181,009.39
Cukai dibayar	(35,588.37)	(3,329.79)	(30,725.50)	-
<i>Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi</i>	565,648.45	137,523.06	572,155.60	181,009.39



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(14,921.71)	-	(14,921.71)	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(7,460.86)	-	(7,460.86)	-
Honorarium Lembaga	(3,900.00)	(4,200.00)	(3,900.00)	(4,200.00)
Kumpulan Wang Bencana Musibah	(1,428.00)	(919.00)	(1,428.00)	(919.00)
Kumpulan Wang Pendidikan	(44,227.00)	2,997.00	(44,227.00)	2,997.00
Kumpulan Wang Kebajikan Am	(31,254.00)	4,793.00	(31,254.00)	4,793.00
Kumpulan Wang Khairat Kematian	(12,372.30)	(3,718.00)	(12,372.30)	(3,718.00)
<i>Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan</i>	<u>(115,563.87)</u>	<u>(1,047.00)</u>	<u>(115,563.87)</u>	<u>(1,047.00)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan dividen daripada pelaburan syer taksiar harga	(70.00)	-	(70.00)	-
Penerimaan faedah simpanan tetap	(34,607.38)	-	(29,676.77)	-
Penambahan dalam hartanah, loji dan peralatan	-	(327,225.67)	-	(327,225.67)
<i>Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan</i>	<u>(34,677.38)</u>	<u>(327,225.67)</u>	<u>(29,676.77)</u>	<u>(327,225.67)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran modal syer anggota	(5,890.00)	(4,700.00)	(5,890.00)	(4,700.00)
Penerimaan modal syer anggota	2,060.00	1,440.00	2,060.00	1,440.00
Pembayaran modal yuran anggota	(339,227.86)	(272,106.04)	(339,227.86)	(272,106.04)
Penerimaan modal yuran anggota	487,318.75	525,015.65	487,318.75	525,015.65
Penerimaan pinjaman jangka panjang	-	400,473.28	-	400,473.28
Pembayaran pinjaman jangka panjang	(790,893.24)	(380,106.29)	(790,893.24)	(380,106.29)
Pembayaran dividen	(248,980.96)	(228,496.88)	(248,980.96)	(228,496.88)
<i>Tunai bersih (digunakan untuk)/ diperolehi daripada aktiviti pembiayaan</i>	<u>(895,613.31)</u>	<u>41,519.72</u>	<u>(895,613.31)</u>	<u>41,519.72</u>
Pengurangan bersih dalam tunai	(480,206.11)	(149,229.89)	(468,768.35)	(105,743.56)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI				
- pada awal tahun	700,392.64	849,622.53	570,417.28	676,160.84
- pada akhir tahun	<u>220,186.53</u>	<u>700,392.64</u>	<u>101,648.93</u>	<u>570,417.28</u>
Diwakili oleh:				
Tunai di Bank dan di tangan	555,686.56	700,392.64	437,148.96	570,417.28
Overdraf bank	<u>(335,500.03)</u>	<u>-</u>	<u>(335,500.03)</u>	<u>-</u>
	<u>220,186.53</u>	<u>700,392.64</u>	<u>101,648.93</u>	<u>570,417.28</u>



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

Koperasi adalah sebuah koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993, ditubuhkan di Malaysia dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat menjalankan operasi adalah seperti berikut:

No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.

2. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi adalah sebagai agen yang memberi pembiayaan kepada anggota serta menjalankan kegiatan pelaburan perdagangan am, perniagaan insuran, penjualan alatan pejabat, perniagaan stesen minyak dan lain-lain.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang berikut adalah digunakan dalam melaporkan perkara-perkara yang penting dalam penyata kewangan.

a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Penyediaan penyata Kumpulan dan Koperasi dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat untuk membuat penilaian mereka di dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan dan Koperasi. Walau bagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 3 (p) kepada penyata kewangan.

b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Koperasi dan subsidiari. Subsidiari adalah entiti dikawal oleh Koperasi. Kawalan wujud apabila pemilik induk mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar perakaunan yang seragam bagi urusanniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama. Semua baki, urusanniaga di antara kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

b) Asas Penyatuan (sambungan)

Pelaburan dalam anak syarikat diambil kira dalam penyata kewangan berasingan Syarikat pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Koperasi dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan ditunjukkan pada kos asal setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Dasar untuk mengiktiraf dan mengukur kerugian rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 3 (h) kepada penyata kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usia guna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahun berikut:

	%
Bangunan	2
Perabot dan Kelengkapan	15
Peralatan Pejabat	10
Rumah Kedai	2
Aset PSS (Perniagaan Stesen Minyak)	15

d) Pelaburan

Pelaburan Koperasi adalah bersifat jangka panjang dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak elaun rosotnilai, jika ada. Rosotnilai dalam nilai pelaburan hanya diperuntukkan jika, pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, kemerosotan nilai tersebut adalah berkekalan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai dibawa pelaburan tersebut dan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Pelaburan syer siar harga termasuk tabung amanah yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran yang material (melebihi 30% kejatuhan secara keseluruhan dalam harga pasaran atau jumlah kejatuhan nilai pasaran berbanding dengan kos melebihi 5% daripada untung bersih) perlu dibuat rosotnilai sepenuhnya bagi menggambarkan nilai aset yang benar dan saksama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****e) Pelaburan Hartanah**

Pelaburan hartanah pada asasnya adalah hartanah yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang dan/atau untuk kenaikan modal dan bukan untuk kegunaan Koperasi. Hartanah pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi langsung dan proses mendapatkan hartanah berkenaan.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Susut nilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usia guna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahunan berikut:

	%
Tanah	1
Rumah Kedai	2

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan hartanah pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara nilai pelupusan dan nilai dibawa akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

f) Inventori

Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih mengikut kaedah masuk dahulu, keluar dahulu.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan normal ditolak anggaran kos siap dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

g) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

g) Aset Kewangan (sambungan)

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrument ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak di diskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau dilunaskan, telah dirosotnilai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

g) Aset Kewangan (sambungan)

iv) Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

Bukti objektif boleh termasuk:

- Kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- Pelanggaran kontrak
- Pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan
- Ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- Data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam Kumpulan dan Koperasi yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan. diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang di diskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Untuk pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dari anggaran terbaik (yang semestinya anggaran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) bahawa Kumpulan dan Koperasi menjangka untuk menerima untuk aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

h) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Kumpulan dan Koperasi akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah di diskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penajaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penajaan tunai adalah diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit penajaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai. Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penajaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susut nilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

i) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

i) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusanniaga, termasuk kos urusanniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusanniaga pembiayaan bagi Syarikat kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

ii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan

iii. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot nilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

i) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan.

j) Manfaat Kakitangan

i. Manfaat jangka pendek

Gaji, elaun, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Koperasi

ii. Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan Koperasi apabila ia tertanggung.

k) Pengiktirafan Hasil

i. Pendapatan daripada stesen minyak

Pendapatan daripada perniagaan penjualan minyak dan kedai runcit diiktiraf berdasarkan barang yang telah dijual apabila risiko dan ganjaran telah dipindahkan.

ii. Pendapatan daripada komisen insurans

Pendapatan daripada pengurusan insuran ahli anggota Koperasi selepas perkhidmatan dilaksanakan.

iii. Pendapatan daripada pelaburan

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari untuk keuntungan pembiayaan dan lain-lain pelaburan diambil kira di dalam penyata pendapatan apabila hak penerimaan ke atasnya telah ditentukan.

iv. Pendapatan faedah dan sewa

Pendapatan faedah dan sewa diiktiraf secara akuan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

k) Pengiktirafan Hasil (sambungan)

